

**Seramai 102 Penduduk Ladang Nadi Agrobisnes Sertai Umno  
Bernama  
28 Januari, 2012**

SITIAWAN, 28 Jan (Bernama) -- Seramai 102 penduduk Ladang Nadi Agrobisnes di Simpang 3 Pekan Gurney dekat sini menyertai Umno selepas berpendapat hanya parti itu yang mampu membela kebajikan rakyat serta membawa pembangunan di kawasan tersebut.

Ketua penduduk, Zakaria Shafiee, berkata langkah itu menyaksikan semua penduduk ladang berkenaan, yang layak menganggotai parti politik, kini menyertai Umno.

Beliau berkata selama ini penduduk ladang itu tidak menganggotai mana-mana parti politik, namun mereka tetap menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi pada setiap pilihan raya umum.

"Selama ini kami hanya menjadi pemerhati kepada semua parti politik yang ada dan akhirnya kami dapati hanya Umno sahaja sebuah parti yang boleh diharapkan, bukan seperti parti pembangkang yang hanya pandai menabur janji semata-mata.

"Kegigihan pucuk pimpinan parti, terutama Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir serta Pengerusi Sekretariat Pembangunan Masyarakat Umno Bahagian Lumut Jamaluddin Majid, yang sering turun padang mendekati dan menyelesaikan pelbagai masalah penduduk membuatkan kami tertarik kepada parti ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Sekampung Masuk Umno di ladang itu hari ini.

Terdahulu, Zakaria menyerahkan borang permohonan keanggotaan Umno kepada Timbalan Ketua UMNO Bahagian Lumut Datuk Ahmad Zambri Shamsuddin, yang mewakili Menteri Besar.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642696>